

SOALAN NO: 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]
TARIKH : 26 OKTOBER 2017
SOALAN : 17

YB Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tahap kesihatan mental dalam kalangan rakyat Malaysia dan apakah pelan yang sedang dalam pertimbangan oleh Kementerian untuk menangani sebarang kemungkinan akibat isu kesihatan mental

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut Kajian National Health and Morbidity Survey (NHMS) yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada 2015, prevalen masalah kesihatan mental dalam kalangan orang dewasa berumur 16 keatas adalah 29.2%. Walau bagaimanapun peratus ini merujuk kepada mereka yang mengalami masalah kesihatan mental dan BUKAN penyakit mental

Usaha-usaha yang diambil oleh Kementerian untuk menangani isu kesihatan mental adalah seperti berikut:

- (a) Melalui Program Kesihatan Mental Komuniti, perkhidmatan kesihatan mental di klinik-klinik kesihatan dilaksanakan secara integrasi. Perkhidmatan ini meliputi aktiviti promosi dan pengesanan awal melalui saringan untuk mengesan awal tahap stres, keresahan dan kemurungan serta individu yang berisiko mengalami masalah kesihatan mental di kalangan masyarakat serta intervensi
- (b) Bagi mempertingkatkan kemahiran menangani stres di kalangan komuniti, usaha-usaha mempromosikan kesihatan mental dan mencegah penyakit mental dilaksanakan melalui latihan kemahiran daya tindak dan aktiviti pemerksaan komuniti di mana elemen menangani stres dimasukkan sebagai salah satu komponen dalam KOSPEN.
- (c) Kementerian juga telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Program Menangani Stres di Tempat Kerja melalui KOSPEN PLUS bagi membantu warga kerja untuk menangani stres.
- (d) KKM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan juga sedang melaksanakan Program Minda Sihat dalam kalangan murid Tingkatan 4 di 2343 buah sekolah menengah seluruh negara. Program Minda sihat sekolah dikendalikan dengan menjalankan saringan DASS (*Depression Anxiety Stress Scale*) untuk mengetahui status kesihatan murid sekolah menengah bagi mengenalpasti tahap stress, keresahan dan kemurungan. Jika di dapati tahap stress, keresahan dan kemurungan adalah berlebihan murid berkenaan akan dirujuk untuk perkhidmatan kaunseling atau

ke klinik kesihatan untuk rawatan lanjut oleh pakar kesihatan keluarga atau pegawai perubatan.

- (e) KKM juga sedang merancang untuk meluaskan Program Minda Sihat kepada pelajar kolej komuniti di seluruh negara.
- (f) Kementerian juga menyediakan perkhidmatan psikiatri, di empat (4) buah institusi mental dan 33 hospital kerajaan di seluruh Malaysia. Di peringkat kesihatan primer sebanyak 761 klinik kesihatan memberikan perkhidmatan kesihatan mental dengan lebih 200 orang Pakar Perubatan Keluarga yang terlatih dari aspek kaunseling dan *psychoeducation* dalam merawat kemurungan dan pengurusan kes berkaitan cubaan bunuh diri. Saringan kesihatan mental untuk tahap stress, keresahan dan kemurungan juga sedang dikendalikan.
- (g) Kementerian telah mewujudkan sebanyak 21 Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (MENTARI) di seluruh negara bagi memberi perkhidmatan saringan, pengesanan awal, membantu proses pemulihan dan rehabilitasi, latihan kemahiran daya tindak dan sesi kaunseling diberikan. Pesakit juga dilatih untuk berdikari contohnya seperti mereka diajar kaedah penyediaan makanan dan lain-lain. Bagi pesakit mental yang telah stabil, cadangan penempatan pekerjaan juga disyorkan oleh pihak pengurusan rawatan berkaitan.
- (h) KKM juga menyediakan perkhidmatan kaunseling serta pendidikan keluarga (*Carers Education*) yang mempuyai waris yang mengidap

penyakit mental mengenai cara pengendalian penjagaan pesakit mental di rumah.

- (i) Dari segi promosi dan advokasi Kesihatan Mental, Kementerian Kesihatan melalui program kesihatan mental telah melaksanakan beberapa akitviti bagi meningkatkan kesedaran awam melauai sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia dan Hari Pencegahan Bunuh Diri sedunia semenjak tahun 2004. Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah memberi kemahiran kepada komuniti menangani stress, forum awam, seminar, ceramah di media masa, penulisan artikel dimedia cetak.

- (j) Kementerian juga mewujudkan satu laman web portal kesihatan semenjak tahun 2006 dimana masyarakat boleh mendapatkan maklumat lanjut tentang kesihatan mental , tanda-tanda awal penyakit mental dan pencegahan bunuh diri dengan melayari laman sesawang kementerian www.moh.gov.my atau www.myhealth.gov.my

Soalan (18)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26 OKTOBER 2017
[KHAMIS]

DARIPADA : YB TAN SRI WILLIAM MAWAN IKOM
[SARATOK]

SOALAN :-

YB TAN SRI WILLIAM MAWAN IKOM [SARATOK] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah usaha-usaha berterusan pihak Kementerian dalam menambah baik Pengurusan Sisa Pepejal di negara ini .

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa berusaha dalam menambahbaik pengurusan sisa pepejal di negara ini selaras dengan Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara (DPSPN).

USAHA-USAHA BERTERUSAN DALAM MENAMBAH BAIK PENGURUSAN SISA PEPEJAL IALAH:

- (a) Melaksanakan *waste management hierarchy* yang memberi keutamaan kepada pengurangan sisa melalui 3R (*Reduce, Reuse and Recycle*), rawatan perantaraan dan pelupusan akhir;
- (b) Menguatkuasa Pengasingan Sisa Pepejal di Punca (*Separation at Source*) selaras dengan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672);

(c) Memperluaskan pelaksanaan pengasingan sisa pepejal di punca kepada sektor industri, komersial dan institusi ;

(d) Meneliti beberapa mekanisme baharu seperti berikut:

Bil.	Mekasnisme Baru	Penjelasan Ringkas
1.	<i>Extended Producer Responsibility (EPR)</i>	Bertujuan untuk mengintegrasikan kos pengurusan alam sekitar ke dalam kos penghasilan sesebuah produk.
2.	<i>Circular Economy</i>	Sisa yang yang dijana akan digunakan sebagai sumber yang boleh diguna semula dan pemerolehan semula untuk penjanaan tenaga dan inisiatif <i>waste to wealth</i> .

(e) Merancang pembinaan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang bersepadu yang akan dilengkapi dengan:

Bil.	Kemudahan	Penjelasan Ringkas
1.	Kemudahan Mendapatkan Semula Bahan (<i>Material Recovery Facility – MRF</i>)	Fasiliti untuk mengasingkan sisa kitar semula daripada sisa pepejal
2.	Kemudahan Biogas	Teknologi penguraian bahan yang

21

Bil.	Kemudahan	Penjelasan Ringkas
	(<i>Anaerobic Digester</i>)	boleh biodegradasi seperti sisa makanan oleh mikroorganisma dalam keadaan tanpa oksigen
3.	Loji Pengolahan Haba (Insinerator)	Sisa pepejal terkawal diolah dalam keadaan terkawal melalui penununan pembakaran besara-besaran, pengegasan, teknologi plasma, pirolisis atau cara pengolahan yang lain di bawah suhu terkawal atau tekanan atmosfera

- (f) Menjalankan penyelidikan *Treatment at Source* yang mana pengasingan sisa pepejal yang dilakukan di peringkat sumber janaan yang akan melalui proses rawatan sisa pepejal seperti:
- (i) penggunaan mesin kompos mekanikal;
 - (ii) *Kitchen Waste Carbonizer* ; dan
 - (iii) kaedah rawatan therma *Magnetic Heat*.
- (g) Telah dan sedang melaksanakan penutupan tapak-tapak pelupusan terbuka dan akan menggantikannya dengan pembinaan tapak pelupusan sanitari berpusat (*regional*) secara berperingkat. Sehingga September 2017:

Bil.	Tindakan	Jumlah Tapak Pelupusan	Jumlah mengikut Negeri
1.	Tutup Selamat	16	<ul style="list-style-type: none"> • Johor: 3 • Pahang: 4 • Negeri Sembilan: 5 • Perlis: 1 • Terengganu: 3

(h) Melaksanakan program serta kempen kesedaran di media eletronik dan media cetak bagi meningkatkan kesedaran dan memberi pendidikan kepada masyarakat terutamanya dalam meningkatkan amalan kitar semula;

(i) Mengadakan program pendidikan kitar semula seperti:

Bil.	Program	Penjelasan	Pencapaian	
			<u>1 Januari 2016 sehingga 30 September 2017</u>	
			Jumlah Program	Kutipan Sisa Kitar Semula (kilogram)
1.	3R@kids	melibatkan murid-murid tadika dalam aktiviti kitar semula.	664	153,676.64
2.	3R@edu	melibatkan penyertaan pelajar Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah melalui penubuhan Kelab Kitar Semula.	1,671	1,788,607.52
3.	3R@com	dijalankan di komuniti melibatkan aktiviti penyampaian informasi dan aktiviti kitar semula dalam kalangan penduduk	1,299	564,800.24

Bil.	Program	Penjelasan	Pencapaian	
			<u>1 Januari 2016 sehingga 30 September 2017</u>	
			Jumlah Program	Kutipan Sisa Kitar Semula (kilogram)
		di kawasan kediaman		
4.	3R@gov	dijalankan di pejabat-pejabat kerajaan bagi memupuk dan melibatkan kakitangan kerajaan mengamalkan kitar semula di pejabat.	853	2,175,767.95
5.	3R@dthru	dijalankan di pasaraya bagi memudahkan masyarakat melaksanakan aktiviti kitar semula.	653	2,007,277.57
JUMLAH			5,140	6,690,129.92

Bil.	Program	Penjelasan	Pencapaian	
			<u>1 Januari 2016 sehingga 31 Ogos 2017</u>	
			Jumlah Program	Kutipan Sisa Kitar Semula (kilogram)
6.	3R@ipt	dijalankan di Institut Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta untuk meningkatkan kesedaran IPT dan mahasiswa tentang kepentingan amalan 3R.	138	65,680.60
7.	3R@ind	melibatkan sektor industri.	342	6,893,983.08
JUMLAH			480	6,959,663.68

- (j) Melaksanakan program-program tahunan seperti:
 - (i) Pertandingan Kitar Semula Sekolah-Sekolah Peringkat Kebangsaan (PerKiss);
 - (ii) Pertandingan Sculpture 3R di peringkat universiti awam dan swasta;
 - (iii) Konvensyen Kelestarian Kampus Hijau; dan
 - (iv) sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2017